

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

Rancangan Diploma Teknologi Makmal

DTM 301/2 Pengurusan dan Pentadbiran
Makmal Serta Komunikasi

Masa : [2 jam]

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.



1. (a) Terangkan teori motivasi A.H. Maslow. (50/100)
- (b) Telah dikatakan bahawa apabila seseorang 'menaiki tangga pengurusan', keperluan kemahiran teknikalnya akan berkurangan manakala keperluan kemahirannya di dalam pengurusan akan meningkat. Bincangkan kesahihan pernyataan ini bagi seorang pengurus makmal saintifik. (50/100)
2. (a) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan komunikasi tegak dan komunikasi mengufuk. (30/100)
- (b) Senaraikan masalah-masalah yang dihadapi di dalam proses komunikasi serta cara-cara untuk mengatasinya. (70/100)
3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan sebutan FOB dan sebutan CIF? (20/100)
- (b) Terangkan peraturan-peraturan yang diamalkan oleh Universiti Sains Malaysia di dalam proses perolehan peralatan saintifik. (80/100)

4. (a) Senaraikan fungsi-fungsi seseorang penjaga stor saintifik. (40/100)
- (b) Bincangkan kepentingan perancangan di dalam pengurusan sesuatu makmal. (60/100)

- oooOooo -